

KEJOHANAN BOLA SEPAK ANTARA PANGKALAN TUDM

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3250-kejohanan-bola-sepak-antara-pangkalan-tudm

KUANTAN, 29 Mac 18 – Kejohanan Bola Sepak Antara Pangkalan TUDM 2018 telah berjaya dilaksanakan di Pangkalan Udara Kuantan. Komander Pangkalan, Kol Wan Amin Hafiz bin Wan Mahmud TUDM telah dijemput membuat perasmian pembukaan bagi kejohanan tersebut. Sebanyak 13 pasukan telah menyertai kejohanan ini iaitu pasukan dari PU Subang, PU Kuala Lumpur, PU Butterworth, PU Gong Kedak, PU Kuching, PU Labuan, Markas Tentera Udara, Kolej Tentera Udara, Akedemi Tentera Udara, INSMAT, Skn 322 Bukit Ibam, Skn 323 Bukit Lunchu dan yang terakhir sekali pasukan Goshawk PU Kuantan selaku tuan rumah kejohanan.

Tempat pertama bagi kejohanan tersebut di menangi oleh pasukan PU Subang dan Tempat kedua pula telah disandang oleh pasukan Kolej Tentera Udara manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan INSMAT.

Anugerah penjaring terbanyak telah disandang oleh LU Muhammad Amirul Naspuk bin Zamri daripada Pasukan PU Butterworth manakala pemain terbaik perlawanan pula telah dinorbatkan kepada disandang oleh Kpl U Saifulan bin Abd Ghani dari pasukan KTU.

Panglima Wilayah Udara 1, Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM telah menyempurnakan acara penyampaian hadiah kepada pasukan yang telah berjaya sekaligus menutup tirai kejohanan bola sepak antara pangkalan pada kali ini. Upacara penyampaian cendera hati kepada Panglima Wilayah Udara 1 turut diadakan diakhir majlis.





